

# PM: Ambil kira kepentingan negara

U.M. 31 AUG 1993

KUCHING 30 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan-kerajaan negeri hendaklah mengambil kira kepentingan negara dalam membangunkan negeri masing-masing.

Katanya, keupayaan sesebuah negeri mengimbangi kepentingannya dengan lain-lain negeri dalam bidang pentadbiran dan pembangunan akan memastikan setiap rakyat di negara ini hidup selesa.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, pentadbiran sesebuah negeri yang tidak ikhlas dan hanya mementingkan pembangunan rakyatnya sendiri tanpa mengira kepentingan penduduk tempat lain akan memakan diri sendiri dan merugikan rakyat secara keseluruhannya.

"Apabila pemerintah negeri hanya menumpukan diri sahaja tanpa mengambil kira kepentingan negara, hasilnya ialah kerugian semata-mata kepada penduduk negeri itu sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan bangunan baru Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) dan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Perbadanan Perbandaran-Perbandaran Malaysia Pertama di sini petang ini.

Menurut Mahathir, mentadbir sesebuah negeri tidak banyak bezanya dengan pentadbiran sesebuah bandar raya di mana usaha yang gigih dan bersepadu adalah sangat penting.

## Seimbang

Jelasnya, usaha yang dimaksudkan ialah yang seimbang dan teratur agar penduduk yang menjadi penghuni hidup dalam selesa.

"Perancangan yang terperinci dalam pembangunan jalan raya, kawasan perumahan, pejabat, bangunan komersil dan kilang-kilang di samping mengekalkan keindahan kawasan dengan tanaman-tanaman yang menambah kehijauan merupakan faktor utama da-

lam membentuk sebuah bandar raya yang selesa," ujarnya.

Dalam hubungan ini, beliau memuji pencapaian yang dicapai oleh Kuching kerana mempunyai barisan para pentadbir yang berjaya membangunkannya melalui program yang teratur dan rapi sehingga memberi manfaat kepada semua penduduk.

"Tidak syak lagi, bandar raya Kuching akan menjadi salah satu pintu gerbang utama bagi pelaburan serta penanaman modal yang besar dari dalam dan luar negara di samping menjadi *front runner* dalam hal ini," tambah beliau.

Beliau menyifatkan setiap program dan wawasan yang telah diatur untuk membangunkan Sarawak pada masa ini dan akan datang dapat memastikan yang setiap kaum dan lapisan masyarakat tidak ketinggalan dalam menikmati keuntungan dan kemakmuran.